

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.32 (10)
Tarikh : 26 Jun 2014

**Ketua Pengarang
Kosmo**

Tuan,

MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR KOSMO DI RUANGAN SMS BERTARIKH 25 JUN 2014, RABU – M.S: 19

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh **IBUBAPA** berkenaan isu MyKid.

3. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah menanggungkan pengeluaran MyKid sebelum ini yang bertujuan untuk membolehkan JPN mengambil tindakan penambahbaikan terhadap ciri-ciri fizikal MyKid termasuklah meningkatkan ciri-ciri keselamatan serta penggunaannya ke agensi-agensi kerajaan dan swasta. Dalam hal ini, penambahbaikan tersebut telah pun diselesaikan dan penerimaan permohonan baru MyKid telah mula dilaksanakan secara berperingkat mulai 16/06/2014 di JPN seluruh Malaysia.

4. Bagi permohonan MyKid yang tertunggak sebelum ini, kad tersebut telah pun dicetak dan dalam proses edaran ke pejabat cawangan untuk tujuan kutipan MyKid oleh pemohon.

5. Jabatan ini ingin menjelaskan kepada orang ramai bahawa Sijil Kelahiran tetap sah dari segi undang-undang dan boleh digunakan sebagai salah satu dokumen pengenalan diri samada pemohon/ kanak-kanak telah atau belum memiliki MyKid.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah.

Pejabat Perhubungan Awam,

b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:

1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)